



TAMAN IBS MACHANG
SIAP 53 PERATUS

ISSN 1311-6891 | MUHARAM 1446H | 21-25 JUL 2024

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

CADANGAN POS PULAT
SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT

PENYELIDIK TEMPATAN
BERJAYA PROSES AIR LAUT
KEPADAI AIR BERSIH

PELABUHAN TUKUN TIRUAN BERI
MANFAAT LEBIH 6000 NELAYAN

PROGRAM HIJRATUL RASUL ERATKAN KEMESRAAN PEMIMPIN-MASYARAKAT

Oleh: Norzana Razaly

GUA MUSANG, 25 Julai - Kerajaan Negeri Kelantan istiqamah memperteguhkan jalinan kemesraan pemimpin dengan masyarakat.

Sehubungan itu, melalui Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN), program Hijratul Rasul 1446H peringkat Negeri Kelantan dilaksanakan di Padang Padang Awam Jerek, berdepan dengan SMK Tengku Bendahara.

Kehadiran Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud diiringi Timbalannya YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan bersama Exco Penerangan YB Mohd



Asri Mat Daud membuktikan kecaknaan pemimpin terhadap masyarakat di seluruh pelusuk negeri ibarat aur dengan tebing.

Para pemimpin beramah mesra dengan masyarakat melalui aktiviti mengacau bubur Asyura seban-

menyampaikan hadiah kepada juhun pertandingan pembuatan bubur Asyura iaitu Kumpulan UDM Serian.

Hadirin juga disajikan dengan sesi terapi minda oleh penceramah Ustazah Asmak Hussin.

Sebelum itu, para pemimpin menikmati jamuan bersama rakyat sambil beramah mesra dan bertanya khabar mereka.

Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin berharap program tersebut dapat memupuk semangat perpaduan dan menghayati nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian semua lapisan masyarakat.

Beliau juga berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan karnival tersebut.

yak lima kawah. Pemimpin turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mewarna dan karom.

Manakala isteri Menteri Besar Datin Panglima Perang Ustazah Wan Noranita Wan Yaakob tampil



CADANGAN POS PULAT SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT

Oleh: Saliemin Khesa Ahmad

GUA MUSANG, 27 Julai - Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) dengan kerjasama Pusat Integrasi Antara Kaum Negeri Kelantan (PEKA) bercadang untuk menjadikan Pos Pulat serta masyarakat setempatnya sebagai kampung angkat dalam menjaga kebijakan dan kesejahteraan di negeri ini.

Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hassan berkata, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat hal ehwal semua kaum di Kelantan tanpa mengira bangsa ataupun fahaman parti politik.

"Kalau kita tengok, kebanyakan wakil rakyat dan juga pemimpin di Kelantan ini terdiri daripada pelbagai kaum. Ada yang dari-pada masyarakat Cina, India dan Siam. Perkara ini jelas bahawa kita memang berlaku adil kepada seluruh masyarakat terutamanya di Kelantan."

"Jadi, apabila saya mengadakan perbincangan bersama Pengurus PEKA, beliau sangat bersetuju untuk mengambil Pos Pulat ini sebagai kampung angkat.

"Hal ini kerana ia akan lebih memudahkan Kerajaan Negeri menyalurkan segala bentuk bantuan



an dan juga aktiviti-aktiviti yang berkaitan dapat dijalankan bersama masyarakat orang asli di sini," katanya pada Majlis Ramah Mesra Pemimpin Bersama Rakyat Bersama Masyarakat Orang Asli Pos Pulat, hari ini.

Tambahnya, cadangan tersebut juga membolehkan Kerajaan Negeri Kelantan memandang serius berkenaan keperluan atau bantuan yang sesuai diagihkan kepada masyarakat orang asli Pos Pulat ini selaras dengan dasar yang dibawa iaitu Membangun Bersama Islam.

Jelas Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan itu, walaupun Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sudah ada, namun ia masih menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dalam menjaga kebijakan seluruh rakyat terutamanya di Kelantan.

"Malah kita juga akan bekerjasama dengan pihak JAKOA Kelantan mengenai keperluan penduduk di sini.

"Pada masa sama, PEKA inilah yang akan menjadi medan utama dalam menyampaikan masalah atau isu berkaitan yang perlu kita

selesaikan dalam hal-hal melibatkan hubungan antara kaum di Kelantan," katanya.

Untuk rekod, Majlis Ramah Mesra Pemimpin Bersama Rakyat anjuran UPKN dimeriahkan dengan pelbagai acara termasuk acara sukaneka, jamuan rakyat serta penyampaian bantuan berupa barang keperluan yang melibatkan seramai hampir 300 orang penduduk Pos Pulat.

Majlis tersebut juga telah berlangsung selama dua hari bermula 27 hingga 28 Julai.

TAMAN IBS MACHANG SIAP 53 PERATUS



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 25 Julai - Sehingga 1 Julai lalu, projek pembinaan Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri (IBS) di Sungai Bagan, Machang sudah mencapai kemajuan pelaksanaan sebanyak 53 peratus.

Exco Pelaburan YB Dato' Me-

jar (B) Md Anizam Ab Rahman selanjutnya memaklumkan fasa pertama itu merangkumi penyediaan infrastruktur untuk 47 lot perindustrian, 60 lot komersial, satu lot Pusat Kecemerlangan IBS, bangunan fasiliti, jalan, sistem perparitan dan sistem kumbahan melalui peruntukan Unit Perancang Ekonomi

(EPU) yang bernilai RM90 juta.

"Pembangunan fasa pertama sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bermula pada 15 Ogos 2022 dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

"Ia berkeluasan lebih 80 hektar dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2025.

"Konsep federalisme terjalin utuh melalui projek ini. Kerajaan Persekutuan memperuntukan RM90 juta kepada kerajaan negeri bagi kerja-kerja pembangunan infrastruktur, manakala kerajaan negeri pula menyediakan tanah untuk projek pembinaan Taman Perindustrian IBS," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Dato' Md Anizam juga men-

jelaskan Taman Perindustrian IBS itu adalah hasil kerjasama di antara Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Kerajaan Negeri Kelantan yang dirometer pada Oktober 2021.

"Pembangunan taman perindustrian ini bertujuan untuk menyediakan keperluan jaringan ekosistem strategik IBS khususnya bekalan bahan binaan dan tenaga mahir khususnya di Wilayah Pantai Timur," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap pembangunan Taman Perindustrian IBS yang dapat memberi 3,500 pelbagai peluang pekerjaan khususnya bagi sektor pembinaan kepada anak Kelantan, turut menjadi sumber limpahan ekonomi kepada rakyat tempatan secara am.

KERAJAAN NEGERI SEDIAKAN LOT TANAH KEDIAMAN KEPADA SETINGGAN KAMPUNG BERTAM



Oleh: Zaki Mustafa

GUA MUSANG, 23 Julai - Ketua Jajahan Gua Musang, Nik Raisnan Daud menjelaskan bahawa penduduk yang terlibat dengan pemindahan di tapak projek pembinaan jalan baharu yang menghubungkan dari Kampung Bertam Lama ke Jalan Bertam Baru (D235) di Daerah Nenggiri diberikan gantian tanah lot kediaman yang terletak tidak jauh dari penempatan asal.

Tanah yang dianggarkan bernilai RM50 ribu bagi setiap lot itu tidak dikenakan sebarang bayaran melainkan bayaran proses

pemilikan tanah sahaja.

“Kita dah cadang kawasan gantian kepada mereka dan Pejabat DO telah minta kerjasama daripada Kementerian Kerjaya Malaysia untuk menyediakan sedikit peruntukan untuk bantuan saguhati kepada semua penduduk yang terlibat dengan pembinaan jalan dan jambatan di Kampung Bertam,” jelas Nik Raisnan ketika ditemubual media UPKN di pejabatnya di sini pada 14 Julai.

Projek pembinaan jalan baharu tersebut menyeberangi Sungai Nenggiri. Berdasarkan kepada maklumat dan siasatan awalan di

pejabat tanah, terdapat beberapa buah rumah kediaman sedia ada yang terlibat di dalam jajaran projek tersebut.

Hal ini telah mendapat perhatian daripada pentadbir tanah mengenai status tanah kediaman mereka sebelum ini. Hasil siasatan dalaman di pejabat tanah juga mendapati bahawa status tanah yang mereka duduki itu terletak di dalam tanah rizab sungai dan dalam lot kepunyaaan Perbadanan Aset Keretapi (PAK).

Mengulas lanjut berhubung isu arahan meroboh kediaman kepada penduduk di tanah rizab kerajaan itu, Nik Raisnan menyifatkan ia berpunca daripada kegagalan penduduk menyelesaikannya dengan pihak pentadbir tanah.

“Masalah bagi pentadbir tanah, apabila duduk atas rizab sungai. Rizab sungai ni memang tak boleh nak bagi hak milik. Rizab kereta api memang dah termaktub dalam Akta Keretapi (Akta 463). Duduk

atas rizab jalan pulok pun, memang tak boleh bagi hak milik. Tapi rakyat kita ni...ya lah kerajaan pun sayang ke rakyat ni, jadi kerajaan pun kena tackle lah kes terpencil ini case by case.

“Sekarang kita dah minta supaya mereka datang ke pejabat buka fail dan saya mohon pegawai pegawai saya mempercepatkan proses pemilikan tanah dan kita buat petak-petak dan kita benarkan mereka bina rumah.”

Beliau turut menasihatkan kepada seluruh rakyat agar mengambil serius soal peraturan tanah dan pendudukan dengan merujuk kepada pihak yang berkenaan, bukannya disensasikan di media sosial.

“Dan kita mintalah mana-mana rakyat yang (menghadapi masalah berkaitan) mari jumpa dengan DO, kita cuba bincang macam manak selesai. Jangan keluarkan dalam Tik Tok, viral di Facebook. Itu bukan jalan penyelesaian tapi mari tanya (pihak) yang betul.”

PENYELIDIK TEMPATAN BERJAYA PROSES AIR LAUT KEPADA AIR BERSIH

Oleh: Saliemin Khesa Ahmad

BACHOK, 22 Julai - Projek sistem rawatan air laut kepada air bersih dan selamat (Seawater Desalination System) yang berjaya dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik tempatan serta dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dapat memberikan manfaat kepada penduduk di kawasan Pantai Senok.

Menurut Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hassan, melalui Skim Geran Penyelidikan Translasional @ MoHE (TR@M), projek tersebut mampu menampung keperluan 3,300 pengguna sehari dengan keupayaan penghasilan air bersih terawat berkapasiti 500,000 liter sehari (500m³/hari).

“Sistem Seawater Desalination System ini beroperasi dengan memproses air masin dari muara Sungai Pengkalan Datu bagi menghasilkan air bersih untuk pengguna di kawasan Pantai Senok.



“Untuk makluman semua, proses rawatan air sebelum sampai ke pengguna adalah rumit dan perlu melalui pelbagai peringkat yang memerlukan kos tinggi supaya mutu air yang dibekalkan mencapai tahap yang dikehendaki.

“Saya yakin, sistem ini akan terus memberikan sumbangan besar dalam mengurangkan beban masyarakat di Kampung Pantai Senok dalam berhadapan kos hidup yang lebih tinggi ketika ini, terutama kos menyediakan penapis air bersih

terawat dan kos membeli air bersih yang ditanggung selama ini,” katanya.

Jelasnya, projek tersebut telah berjaya beroperasi sejak 3 Februari 2018 dengan kerjasama para penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), pihak penyelaras DUN Tawang, pihak berkuasa tempatan (PBT) Jajahan Bachok, pengurusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan, Air Kelantan Sendirian

Berhad (AKSB) serta penduduk kampung.

Beliau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan itu berkata, projek itu juga akan dikembangkan dengan kaedah pembotolan air mineral dan produk sampingan lain untuk memastikan sumber bekalan air bersih berterusan bagi penduduk setempat.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan dan Pengambilan Loji Penyahgaraman Air Laut di Pantai Senok, pada Sabtu.

PELABUHAN TUKUN TIRUAN BERI MANFAAT LEBIH 6000 NELAYAN

Oleh: Maziah Mat

PASIR PUTEH, 22 Julai - Aktiviti melabuh tukun tiruan pelbagai jenis di perairan Tok Bali akan memberi manfaat kepada 6430 nelayan dengan bilangan bot sebanyak 772 buah. Demikian menurut Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, YB Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Katanya sehingga tahun 2024, sebanyak 300 buah tukun pelbagai jenis telah dilabuhkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM5.86 juta sejak tahun 2007.

“Hari ini sebanyak 12 tukun tiruan telah dilabuhkan di perairan Tok Bali yang akan menjadi pusat konservasi dan juga tempat pembiakan ikan dan Insya-Allah diharap akan menambahkan lagi hasil tangkapan nelayan.

“Saya mengharapkan projek ini akan terus berkembang dari tahun ke tahun kerana pada tahun ini kita telah mendapat peruntukan yang agak besar di ketiga-tiga tempat untuk dilabuhkan tukun tiruan sebagai pusat pembiakan ikan,” katanya pada Program Melabuh Tukun Tiruan (Konservasi) Negeri Kelantan Jabatan Perikanan Malaysia Bagi Tahun 2024 di Kom-



pleks Pelabuhan Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali pada Ahad.

Sementara itu, peruntukan yang disalurkan Kerajaan Pusat pada tahun ini adalah paling besar iaitu sebanyak RM2.2 juta bagi tujuan melabuhkan 70 tukun konservasi meliputi Pantai Tok Bali, Pantai Irama dan di Kuala Besar.

“Semoga dengan inisiatif pelaburan jangka masa panjang ini dapat mengawal hakisan selain dapat mengekang aktiviti pukat tunda di kawasan pesisir pantai.

“Usaha ini dilakukan bagi melestarikan alam sekitar khususnya kepada hidupan laut yang menjadi sumber makanan dan bagi menjamin sekuriti makanan negara dapat

dikekalkan,” katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Perikanan Negeri Kelantan, Dr Erniya Osman turut menjelaskan bahawa Tok Bali dan Kuala Besar akan dibangunkan sebagai kompleks tukun tiruan dalam tempoh 10 tahun akan datang bagi meningkatkan produktiviti biologi dan sumber perikanan di kawasan pesisir pantai.


ISU TULAR ‘KELANTAN TIDAK MAMPU BAYAR GAJI TUKANG CUCI’ ADALAH TIDAK BENAR

Oleh: Zaki Mustafa

KOTA BHARU, 22 Julai – Kenyataan rasmi dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan bahawa isu yang tular di media sosial dengan gambaran Kerajaan Negeri tidak mampu membayar gaji petugas kebersihan adalah tidak benar.

Menurut kenyataan yang bertarikh 21 Julai 2024 itu dijelaskan bahawa tiada rekod tunggakan bayaran kepada pihak syarikat yang telah dilantik melalui proses tender berhubung perkara yang ditimbulkan.

Semakan juga telah dibuat ke atas semua jabatan dan agensi



negeri dan didapati tiada masalah tunggakan bayaran kepada syarikat yang terbabit.

Isu yang tular sejak beberapa

hari itu mendapat perhatian warga maya dan mengundang persepsi buruk terhadap nilai akauntabiliti dan integriti Kerajaan Negeri

Kelantan, lebih-lebih lagi semakin hampir dengan musim kempen bagi Pilihan Raya Kecil Dewan Negeri Nenggiri.

BENGKEL EMCEE PROFESIONAL GILAP KEMAHIRAN PENGACARA PELAPIS

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 21 Julai

– Bakat pengacaraan majlis rasmi, formal dan santai secara fizikal kekal relevan meskipun dunia di landa fenomena interaksi atas talian menggunakan aplikasi kecerdasan buatan (AI).

Menyedari signifikannya, Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) menganjurkan Bengkel Emcee Profesional di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Bengkel kendalian Penyampai Berita RTM berpengalaman Shahril Sarapudin itu bertujuan menggilap kemahiran pengacaraan dalam kalangan kakitangan kerajaan.

Ia disertai 86 peserta mewakili pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang sudah pun memiliki asas mengacara majlis.

Majoriti peserta melahirkan



kepuasan hati mereka yang lebih yakin dan berkemahiran dalam mengendalikan majlis rasmi dan tidak rasmi.

Dalam sesi perkongsian, Shahril menekankan kepentingan penyuasaan teknik pengacaraan yang baik dan keupayaan berkomunikasi

dengan berkesan dalam setiap majlis.

“Pengacara perlu mengenal pasti peranan mereka sebagai emcee majlis formal dan rasmi atau hos majlis santai dan separuh formal.

“Atau juga sebagai moderator forum yang perlu bersoal jawab

dengan panel undnagan atau “anchor” di depan kamera atau pun menyampai suara latar,” jelasnya.

Beliau turut berkongsi pengalaman dan pengetahuan perihal aspek-aspek penting seperti etika pengacaraan, intonasi suara, dan cara berinteraksi dengan audiens serta tip mengelak gugup dan darah gemuruh.

Semasa sesi simulasi, para peserta bengkel memberi sambutan yang sangat positif dan bersempangat untuk mempraktikkan ilmu dan membiasakan yang betul serta membetulkan yang biasa sebagaimana yang ditunjukkan Shahril dalam tugas pengacaraan majlis mengikut genre.

Mereka juga berharap agar lebih banyak bengkel seumpama itu diadakan oleh agensi kerajaan negeri pada masa hadapan untuk terus memperkasa kemahiran komunikasi dan pengacaraan dalam kalangan penjawat awam.

YAYASAN AMAL SEDIAKAN AMBULANS UNTUK WANITA

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 22 Julai - Kebajikan rakyat khasnya untuk wanita terus menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Kelantan.

Usaha itu disambut baik rakan strategiknya Yayasan Amal Malaysia Cawangan Kelantan (Yayasan Amal) dengan menyediakan sebuah ambulans untuk kemudahan pesakit wanita ke hospital.

Exco Kesihatan YB Hilmi Abdulla mengucapkan tahniah kepada Yayasan Amal atas inisiatif menyediakan khidmat Amal Ambulans (Wanita) yang pertama seumpamanya di Malaysia.

“Perkhidmatan ini memberi kemudahan kesihatan terutamanya untuk memenuhi tuntutan agama demi menjaga kemaslahatan, aurat dan maruah dalam kalangan pesakit wanita,” katanya ketika mewakili Menteri Besar merasmikan Pelancaran Amal Ambulans Khusus Wanita di JKR 10, pada Ahad.

Jelasnya, perkhidmatan tersebut ialah satu lagi program kebajikan Yayasan Amal Malaysia Cawangan Kelantan.

“Yayasan ini sebenarnya telah



ditubuhkan sejak tahun 2001 dan kini mempunyai lebih 3,000 ahli yang bergerak melalui cawangannya yang ada di seluruh Malaysia.

“Saya sentiasa terlibat dengan Yayasan Amal Malaysia yang amat terkenal dan sinomim dengan program ‘Dapur Rakyat’ setiap kali bencana banjir di Kelantan,” ujarnya ketika dihubungi, hari ini.

Menurut YB Hilmi lagi, selain Ambulans Amal (Wanita) tersebut dan pengajaran pelbagai program kebajikan untuk penduduk tempatan, Yayasan Amal Malaysia

turut mengadakan misi bantuan ke peringkat antarabangsa antaranya bantuan semasa ke Palestin, menyasarkan agihan 1,00,000 Al-Quran dan membina beberapa buah masjid di Afrika hingga tahun 2025.

“NGO ini juga berjaya melaksanakan program Kurban Amal di Chad, Sudan dan Uganda,” jelasnya.

Seterusnya, beliau berharap Yayasan Amal Malaysia (Cawangan Kelantan) dapat mempelbagaikan lagi usaha dalam membantu Kerajaan Negeri Kelantan dalam

urusan kebajikan, kesihatan dan manusian.

“Semoga semua sukarelawannya diberikan ganjaran pahala berlipat kali ganda oleh Allah SWT atas kerja-kerja kebajikan yang mereka laksanakan,” katanya.

Turut hadir, Pengurus Yayasan Amal Malaysia (Cawangan Kelantan) Dato’ Sr Mohd Apandi Mohamad, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan YB Rohani Ibrahim dan Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawi.

SIAP PROJEK PEMBANGUNAN LANDSKAP, KOTA BHARU TIGA KALI GANDA LEBIH COMEL – YB HILMI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 24 Julai – Ekoran kritikan warga maya tentang kemudahan infrastruktur di bandar Kota Bharu yang tular, Exco Kerajaan Tempatan YB Hilmi Abdullah tampil memberi penjelasan sebenar.

Katanya, Insya-Allah, Kelantan semakin maju kerana tahun depan Kota Bharu akan jadi tiga kali ganda lebih comel selepas siapnya projek Pembangunan Lanskap Bandar Kota Bharu bernilai RM40 juta.

Mengulas lanjut, YB Hilmi memaklumkan bandar Kota Bharu Bandaraya Islam yang diiktiraf sebagai ke-16 terbaik di Asia Tenggara dan ke-466 terbaik dunia hasil kajian Oxford Economic Global Cities Index 2024 itu sebenarnya

telah mempunyai jaringan jalan perbandaran yang luas dan selepas.

“Mungkin yang dimaksudkan netizen adalah jaringan lebuhraya antara daerah dan negeri yang tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Insha Allah, setelah siapnya Lebuhraya Kota Bharu- Kuala Krai (KB-KK) dan Lingkaran Tengah Utama (Central Spine Road) nanti jaringan lebuhraya ini akan menjadi antara lebuhraya terbaik di Malaysia,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Namun begitu, beliau tidak menafikan Kota Bharu turut mengalami masalah semasa berkaitan penyelenggaraan berkala jalan sebagaimana yang dihadapi oleh bandar-bandar lain di Malaysia dan seluruh dunia.



SUKMA SARAWAK: KELANTAN SASAR TOP 10

Oleh: Maziah Mat

KOTA BHARU, 24 Julai – Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, YB Zamakhshari Muhamad menyasarkan kontinjen Kelantan akan mencapai pencapaian cemerlang di tangga sepuluh teratas pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang akan berlangsung di Sarawak Ogos ini.

Katanya, Kerajaan Negeri juga sentiasa bekerjasama dengan Majlis Sukan Negeri untuk memastikan setiap atlet dapat memperbaiki rentak permainan di samping melakukan persiapan terakhir di pusat latihan, kelab atau persatuan masing-masing.

“Untuk rekod pencapaian tahun 2018 dan 2022 kita berada di tangga ke-14 daripada 15, jadi harapan saya pada sesi kali ini kita meletakkan sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya pada tangga keempat sehingga sepuluh terbaik dan atlet yang mewakili Kelantan nanti diharap menggunakan masa kurang sebulan yang ada untuk meningkatkan latihan sebagai persediaan awal temasya.

“Insya-Allah jika kita telah berusaha melakukan yang terbaik



dan pada masa sama mempunyai keyakinan untuk capai kejayaan, akhirnya kita tidak perlu takut dengan pihak lawan kerana mereka juga manusia sama seperti kita,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Taklimat Penyelarasaran Kontinjen Kelantan ke SUKMA

XXI Sarawak 2024 di Kota Darul Naim pada Isnin.

Sementara itu, SUKMA 2024 ini dijadualkan berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos depan membabitkan sembilan tempat di Sarawak iaitu Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sibu, Mukah, Bintulu dan Miri.

Temasya ini menyaksikan sebanyak 37 jenis sukan akan dipertandingkan dengan 488 acara yang terdiri daripada 236 acara lelaki, 217 acara wanita dan 35 lagi acara campuran lelaki dan wanita selain menghimpunkan 12,619 atlet dan pegawai.



YAYASAN AMAL SEDIAKAN
AMBULANS UNTUK WANITA

Buletin بواليتین دارالنعيم DARULNAIM MINGGUAN

ISSN 1311-6891 | MUHARAM 1446H | 15-21 JUL 2024

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

TIGA ANAK KELANTAN TERIMA BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG

Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 18 Julai-Seramai tiga orang anak Kelantan telah menerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) 2024 kurniaan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ibni al-Marhum Sultan Iskandar.

Mereka adalah antara 14 penuntut Intitut Pengajian Tinggi (IPT) yang menerima biasiswa tersebut di Istana Negara pada Rabu.

Sehubungan itu, YAB Menteri Besar Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud melahirkan kekaguman dan terharu apabila mendengar penerima tersebut memaklumkan mereka datang ke Istana Negara untuk menerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong.

"Amat tersentuh hati saya apabila mereka menyebut "ambo oghe Kelate Dato'", nok mari ambik Biasiswa Yang di-Pertuan Agong".

"Sebak hati saya mendengarnya, hebat anak-anak Kelantan yang menerima biasiswa tersebut.



but.

"Dua daripada mereka menerima biasiswa bagi pengajian peringkat PhD dan seorang lagi bagi peringkat sarjana", catatnya menerusi media sosial pada Rabu.

Terdahulu, beliau bertemu dengan ketiga-tiga penerima tersebut ketika mengiringi Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Fakhry Petra menghadiri mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-266 di Istana Negara.



Keterujaan Dato' Nasurudin berganda apabila mengetahui salah seorang penerima tersebut ialah anak Ahli Parlimen Tumpat, YB Dato' Mumtaz Md Nawi.

"Lebih mengujakan lagi apabila salah seorang penerima biasiswa PhD itu adalah Muhammad Aiman bin Mohd Sukiman, anakanda kepada Ahli Parlimen Tumpat, YB Dato' Mumtaz.

"Syabas dan tahniah untuk semua," katanya.

Muhammad Aiman Mohd Sukiman dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menerima biasiswa bagi pengajian peringkat PhD dengan tajuk penyelidikan (Persekitaran).

Sementara Toh Shek Man dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pula dengan tajuk penyelidikan (Kanser).

Manakala penerima bagi peringkat sarjana ialah Nasihah Mohd Zahid dari Universiti Sains Malaysia (USM) dengan tajuk penyelidikan (Nanotechnology).

Untuk rekod, BYDPA mula diperkenalkan pada tahun 2006 untuk menaja calon berprestasi tinggi dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.

Setakat tahun 2024, sebanyak 19 sesi penawaran biasiswa tersebut telah dilaksanakan dengan 212 rakyat Malaysia telah menerima penajaan BYDPA iaitu 107 penerima bagi peringkat PhD dan 105 lagi bagi peringkat sarjana.

